

“Kempen Perolehan Baru-Kepada-Kad Kredit Pulangan Tunai Sehingga RM350” Kad Kredit Hong Leong

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Baru-Kepada-Kad Kredit Pulangan Tunai sehingga RM350” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 15 Mac 2018 pada 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada 30 Jun 2018 pada 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut:-

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka untuk penyertaan oleh Pemegang Kad Utama Baru-Kepada-Kad (“NTC”) warga Malaysia dan bukan Warga Malaysia yang memohon mana-mana kad kredit HLB sertaan yang berikut semasa Tempoh Kempen (“Kad Layak”) dan Kad Layak berjaya dikeluarkan selewat-lewatnya 31 Julai 2018 (“Pemegang Kad NTC”).

<u>Pilihan 1</u> Pilih satu Visa + satu Mastercard	<u>Pilihan 2</u> Pilih satu daripada yang berikut
<p><u>Visa</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Sutera Platinum• Generic Gold• GSC Platinum/Gold• Essential Gold• Fortune Gold <p><u>Mastercard</u></p> <ul style="list-style-type: none">• Sutera Platinum• Generic Gold• The Store Platinum/Gold• Pacific Platinum/Gold• I'M Gold• Business Platinum	<ul style="list-style-type: none">• Visa Infinite• Visa Infinite Doctor's Edition

Bagi mengelakkan keraguan, bagi “Pilihan 1” kedua-dua Kad Layak mestilah diluluskan untuk melayakkan Pemegang Kad NTC menyertai Kempen ini.

Perhatian: Pemegang Kad NTC bermaksud pemegang kad baharu yang bukannya pemegang kad utama mana-mana Kad Kredit HLB (termasuk Mach dan bekas EON Bank Berhad) sebelum Tempoh Kempen dan tertakluk kepada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam Fasal 2 di bawah.

2. Yang berikut ini tidak dianggap Pemegang Kad NTC dan TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - a. Pemegang kad utama sedia ada mana-mana Kad Kredit HLB (termasuk Mach dan bekas EON Bank Berhad);
 - b. Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB sah dan/atau pemegang kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
 - c. Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai pemegang kad utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;

- d. Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan

Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad NTC hendaklah memberi maklumat mereka yang terkini dan tepat (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menyerat dan nombor telefon) kepada HLB ketika memohon Kad Layak dan pada dasarnya Pemegang Kad NTC berkewajipan menghubungi HLB sekiranya tidak menerima Kad Layak yang diluluskan dalam masa 60 hari dari tarikh permohonan, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad NTC dianggap telah menerima Kad Layak dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad NTC tidak dapat menyertai Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun.

KAEDAH KEMPEN

3. Pemegang Kad NTC adalah layak menikmati tawaran berikut dengan syarat Pemegang Kad NTC memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam ini ("Pemegang Kad Layak"):

- a. Pengecualian Fi Tahunan
- Pemegang Kad NTC yang dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit Layak ("seperti ditakrif dalam Fasal 8 di bawah") menggunakan Kad Layak (termasuk kad tambahan) yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini adalah berhak mendapat pengecualian fi tahunan bagi tahun pertama bagi setiap Kad Layak.

Penyedia perkhidmatan SMS bagi Kempen ini ialah M3 Technologies (Asia) Berhad ("M3 Tech") dan M3 Tech akan memberitahu Pemegang Kad NTC melalui SMS apabila Kad Layak mereka diluluskan.

- Pengecualian fi tahunan bagi tahun-tahun seterusnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat pengecualian fi tahunan yang sedia ada. Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada muka surat produk berkenaan di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB").

b. Pulangan Tunai Bonus RM50

- Pemegang Kad NTC yang memohon Kad Layak melalui Laman Web HLB ("Saluran Dalam Talian") akan menerima pulangan tunai bonus RM50 ("Bonus").
- Pekerja-perkerja HLB and/or Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") tidak layak dapatni Bonus.

c. Pulangan Tunai

Pemegang Kad NTC yang memenuhi SEMUA terma dan syarat berikut akan menerima pulangan tunai masing-masing ("Pulangan Tunai"):-

Kategori	Terma & Syarat	Pulangan Tunai (RM)	Jumlah Pulangan Tunai Dihadkan Setakat (RM)
A	<p>a. Melakukan Perbelanjaan Runcit Layak minimum RM2,000 dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak; DAN</p> <p>b. Mendaftar diri untuk Pengebilan Auto minimum 12 bulan menggunakan Kad Layak dengan mana-mana biller dalam masa enam puluh (60) hari tarikh tarikh kelulusan Kad Layak dan caj Pengebilan Auto mestilah dicaj kepada Kad Layak selepas itu. Bagi mengelakkan keraguan, mana-mana Pengebilan Auto bersabit dengan bayaran atau transaksi yang dibuat kepada Kerajaan dan/atau melalui JomPay tidak layak menerima Pulangan Tunai.</p>	300	200,000
B	Melakukan Perbelanjaan Runcit Layak minimum RM500 dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak.	50	90,000
Bonus	Memohon melalui Saluran Dalam Talian – tanpa mengira sama ada Kategori A atau B yang dipilih	50	10,000

Perhatian: Pengebilan Auto

- Pengebilan Auto tidak boleh dibatalkan sebelum tamatnya tempoh langganan. HLB berhak untuk menolak balik Pulangan Tunai jika pengebilan auto ditamatkan awal atau sekiranya Pemegang Kad Layak menamatkan Pengebilan Auto mereka sebelum cukup tempoh 12 bulan.
- Bagi tujuan pemberian Pulangan Tunai dalam Kempen ini, Perbelanjaan Runcit Layak (seperti ditakrif dalam Fasal 8 di bawah) akan termasuk amaun Pengebilan Auto bagi mengira Perbelanjaan Runcit Layak RM2,000 seperti tersebut di atas. HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad NTC tidak dapat mendaftar diri untuk Pengebilan Auto dengan mana-mana biller dan/atau transaksi Pengebilan Auto tidak berjaya dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Kempen ini atas apa jua sebab sekalipun.
- HLB berhak meminta bukti transaksi Pengebilan Auto dan/atau rekod daripada Pemegang Kad Layak.

4. Setiap Pemegang Kad Layak berhak menerima Pulangan Tunai satu (1) kali bagi setiap Kategori, sama ada A atau B, seperti dibutirkir di atas sepanjang Kempen. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai maksimum, termasuk Bonus, bagi Kempen ini dihadkan setakat RM300,000, atas dasar siapa cepat dia dapat.
5. Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam Fasal 3(b) dan Fasal 3(c) di atas, Bonus dan jumlah Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada akaun Pemegang Kad Layak dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh kelulusan kad.

Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB melalui penyiaran senarai Pemegang Kad Layak dalam Laman Web HLB bermula dari 1 Julai 2018 dan seterusnya (“Tarikh Pemberitahuan”).

6. Sekiranya Bonus dan/atau Pulangan Tunai tidak diterima, maka Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian Pemegang Kad Layak akan dianggap telah menerima Bonus dan/atau Pulangan Tunai itu dan sebarang rayuan untuk bayaran balik Bonus dan/atau Pulangan Tunai tidak akan dilayani.
7. HLB tidak berkewajipajn memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak apabila Pulangan Tunai telah mencapai had peruntukan Pulangan Tunai maksimum semasa Tempoh Kempen.
8. Perbelanjaan Runcit Layak adalah berdasarkan kriteria berikut:
 - i. Hendaklah termasuk perbelanjaan runcit, insurans, bayaran bil, fi keahlian dan transaksi dalam talian, arahan tetap, Pelan Pembayaran Lanjutan (EPP) yang diurusniaga dalam negara dan luar negara.
 - ii. Hendaklah tidak termasuk pendahuluan tunai, Pindahan Baki (BT), Call-for-Cash (CFC), Call-for-Cash Plus (CFC+), Pelan Pembayaran Fleksi (FPP), pindahan dana, fi dan caj yang dikenakan oleh HLB.
 - iii. Perbelanjaan Runcit Layak Terkumpul oleh Pemegang Kad Tambahan di bawah akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak akan dimasukkan dalam pengiraan Perbelanjaan Runcit Layak terkumpul Pemegang Kad Layak.
9. Kempen ini dikecualikan daripada promosi HLB/HЛИSB yang sedang berlangsung melainkan dinyatakan sebaliknya.

UMUM

10. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak:
 - i. Bersetuju telah membaca, memahami, dan bersetuju mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad yang boleh disemak di Laman Web HLB;
 - ii. Bersetuju semua rekod transaksi Perbelanjaan Runcit Layak di dalam atau di luar Malaysia yang terakam dalam sistem HLB semasa Tempoh Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - iii. Bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat tidak akan dilayani;
 - iv. Bersetuju bahawa sebarang pembalikan transaksi akan dikecualikan;
 - v. Bersetuju bahawa Bonus, Pulangan Tunai dan Pengecualian Fi Tahunan tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang;
 - vi. Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen ini dan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat dan untuk disusuli dengan HLB jika hal-hal itu telah dimasukkan untuk kelayakan Bonus dan Pulangan Tunai;
 - vii. Keizinan bagi HLB mendedahkan atau menyiarkan nama, Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Pasport (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB;

- viii. Memberi kebenaran kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama, nombor telefon kepada M3 Tech yang HLB dapat wajar bagi tujuan Kempen ini.
- ix. Bersetuju untuk menghubungi biller bagi mendapatkan terma dan syarat lebih lanjut berkaitan dengan Pengebilan Auto dan menghubungi terus dengan pihak biller mengenai apa-apa pertikaian atau persoalan tanpa bantuan HLB.

11. HLB berhak:

- i. Menolak atas budi bicara mutlaknya mana-mana permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa menyatakan sebarang sebabnya;
 - ii. Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak atas budi bicara mutlaknya daripada menyertai Kempen;
 - iii. Menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk menyertai Kempen atas apa jua sebab sekalipun yang didapati wajar oleh HLB atas budi bicara mutlaknya. Terutamanya, HLB mempunyak hak mutlak untuk menolak kelayakan Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit Layak menurut pengertian Terma & Syarat ini, dengan cara atau corak yang pada anggapan HLB adalah luar daripada kebiasaan, luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk memperoleh kelebihan secara tak adil atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak;
 - iv. Melupuskan dan/atau menolak balik mana-mana atau keseluruhan Bonus, Pulangan Tunai dan/atau Pengecualian Fi Tahunan sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
 - v. Melupuskan dan/atau menolak balik Bonus, Pulangan Tunai dan/atau Pengecualian Fi Tahunan dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit Layak atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau pada masa pemberian Bonus dan/atau Pulangan Tunai atau apabila Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
 - vi. Meminda Bonus, jumlah Pulangan Tunai dan/atau Pengecualian Fi Tahunan dan/atau mengganti Bonus, Pulangan Tunai dan Pengecualian Fi Tahunan di dalam ini dengan hadiah lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang didapati sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak; dan
 - vii. menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menamatkan Kempen ini, atas budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang didapati sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak tentang penambahan, pengguguran atau pindaan terma dan syarat atau penamatan Kempen ini.
12. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi syarikat peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
13. Semua akaun Kad Layak Pemegang Kad Layak mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad pada masa pemberian Bonus dan/atau Pulangan Tunai.

14. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
15. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad HLB hendaklah dibaca bersama-sama Terma & Syarat di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan Perjanjian Pemegang Kad, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
16. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.